

## BAHAGIAN PELESENAN

### SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN BENGKEL ATAU PUSAT SERVIS KENDERAAN.

Bil.	Perkara
1.	Aktiviti bengkel dan servis kenderaan hendaklah dijalankan di tempat yang sesuai dan selamat serta tidak mengganggu pekerja atau orang ramai.
2.	Segala kerja-kerja semburan cat hendaklah dilakukan di dalam bilik khas yang tertutup dan mempunyai perangkap cat atau minyak yang sempurna.
3.	Pekerja-pekerja hendaklah memakai pakaian seragam dan menggunakan alat perlindungan yang sempurna semasa menjalankan kerja-kerja penyemburan cat dan bengkel.
4.	Dinding dalam bengkel atau pusat servis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci dan berwarna ringan seperti ubin gerlis, epoxy, keluli dan sebagainya. Lantai hendaklah berkonkrit kuat dan disudahi bahan seperti epoxy dan ubin berwarna cerah.
5.	Semua barang-barang hendaklah diletak/disimpan atas rak, pallet atau kaunter bahan yang kuat, senang dicuci seperti besi dan plastik dengan kemas, teratur dan bersih serta mempunyai laluan yang sempurna.
6.	Mempamerkan papan tanda larangan merokok, utamakan keselamatan, menjaga kebersihan dan menggunakan alat perlindungan yang sempurna dan mencukupi yang bahannya dari plastik, aluminium atau kayu lapis berukuran yang sempurna.
7.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki, besen sabun cecair yang sempurna dan mencukupi.
8.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang diperlukan oleh pekerja.
9.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan sistem pembentungan yang sempurna dan berkeadaan baik dan selamat.
10.	Dilarang menggunakan mana bilik atau ruang di premis sebagai tempat tidur (penginapan), tempat makan dan tempat untuk meja judi tanpa kebenaran daripada pihak MDKS ( Majlis Daerah Kuala Selangor ).
11.	Memastikan semua mesin dan alat-alat yang digunakan di premis adalah dalam keadaan baik dan selamat.
12.	Mengadakan bilik rawatan perubatan kecemasan atau bilik rehat pekerja yang sempurna di dalam premis.
13.	Dilarang membuang sampah, minyak atau cat kedalam longkang atau sistem pamparitan yang berhampiran.
14.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan (pengolahan) kumbahan air, minyak, effluent, asap, pencemaran itu dikeluarkan ke dalam longkang awam atau udara luar supaya mematuhi piawaian Alam Sekitar yang ditentukan.

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>
15.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitaran.
16.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.
17.	Dilarang menghalang, meletakkan barang perniagaan dan melakukan kerja-kerja berkaitan perniagaan mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk atau keluar dan tangga serta kaki lima premis.
18.	Mengadakan perkhidmatan kontraktor pembuangan sampah yang dilesenkan oleh pihak MDKS (Majlis Daerah Kuala Selangor).
19.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Bomba didalam premis.
20.	Mengadakan garisan kuning keselamatan ditempat pekerjaan dan stor yang sempurna untuk laluan forklift, pallet truck dan untuk laluan pekerja.
21.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
22.	Memastikan semua mesin dan alat yang digunakan dipremis adalah dalam keadaan baik dan selamat serta tiada gangguan bunyi bising.